

Arroyo hantar utusan atur penyerahan

Misuari

UM 15 DEC 2001

MANILA 14 Dis. — Presiden Filipina, Gloria Arroyo telah menghantar seorang utusan khas ke Malaysia untuk mengatur penyerahan bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari kepada Manila.

Misuari dipercayai akan dihantar pulang ke sini sekitar Krismas, kata pegawai hari ini.

Bekas pemimpin kemerdekaan berusia 60 tahun itu ditahan di Sabah tiga minggu lalu kerana memasuki Malaysia secara haram.

Menurut Arroyo, beliau menghantar penasihatnya, Norberto Gonzales untuk menyampaikan hasrat Manila kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad agar 'kes-kes' Misuari disiasat lebih dahulu oleh Kuala Lumpur.

Bagaimanapun Arroyo berkata: "Saya tidak mahu kerajaan beliau (Mahathir) menghadapi sebarang tekanan dari dalam negara."

"Jika perkara ini menjadi isu sensitif bagi umat Islam di Malaysia, kami bersedia untuk menerimanya (Misuari) balik," tambah Arroyo.

Katanya, atas sebab keselamatan, beliau tidak dapat menyatakan bila Kuala Lumpur dan Manila mahu penyerahan Misuari itu dilakukan.

Tetapi penasihat keselamatan negaranya, Rolfo Golez berkata, Misuari 'dijangka' dihantar pulang pada atau sebelum 24 Disember.

Jelas beliau, Gonzales terbang ke Kuala Lumpur malam tadi. — AFP